

## UEM Edgenta Dianugerahkan "Syarikat Pengurusan Fasiliti Tahun 2022" oleh Frost & Sullivan

**KUALA LUMPUR, 14 Disember** – UEM Edgenta Berhad ("UEM Edgenta" atau "Syarikat"), syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini telah dianugerahkan sebagai Syarikat Pengurusan Fasiliti Terbaik Frost & Sullivan Malaysia 2022 atas sumbangannya kepada sektor pengurusan fasiliti. Anugerah kali ke-7 berturut-turut ini meletakkan UEM Edgenta sebagai peneraju pasaran dan peneraju dalam sektor pengurusan fasiliti melalui keupayaannya dalam perkhidmatan pengurusan kemudahan bersepadu, kemajuan teknologi dan pendigitalan serta penyelesaian mampan.

Anugerah tersebut disampaikan kepada Rais Imran, Ketua Pegawai Strategi UEM Edgenta, bagi pihak UEM Edgenta pada majlis Anugerah Amalan Terbaik Frost & Sullivan 2022 baru-baru ini. UEM Edgenta mengekalkan kepimpinan pasaran melalui jejak globalnya, pendekatan berdisiplin dalam memacu kecekapan kos dan mempelbagaikan aliran hasil baharu sambil mengekalkan kedudukan kukuh dalam sektor terasnya. Syarikat merupakan perintis dalam memperkenalkan penyelesaian kemampanan dan teknologi kepada pasaran pengurusan kemudahan serantau dan teluk ("FM").

"Masa hadapan FM adalah didorong oleh teknologi, kemampanan dan pengalaman pelanggan. Pemilik dan pengendali aset di seluruh dunia kini kian menjadikan bangunan dan bandar ke arah pintar dan mampan. Untuk tujuan ini, Edgenta komited membina portfolio penyelesaian bagi memenuhi bangunan/bandar pintar dan mampan - strategi utama untuk menjadi syarikat FM yang berdaya teknologi. Dalam usaha kami untuk menyediakan penyelesaian dan perkhidmatan terbaik yang didorong oleh teknologi dan inovasi, penerimaan anugerah ini menunjukkan keupayaan UEM Edgenta sebagai penyedia Pengurusan Aset & Penyelesaian Infrastruktur yang terkemuka di rantau ini. Kami amat berbesar hati dan berterima kasih atas kepercayaan yang diberikan oleh pelanggan kami dan pihak Frost & Sullivan atas penganugerahan ini," kata Rais.

"Penyelidikan Frost & Sullivan menunjukkan bahawa kedudukan pasaran utama dan cadangan nilai UEM Edgenta yang disusun strateginya dengan baik, telah membawa kepada pemerolehan pelanggan baharu yang konsisten sambil memastikan syarikat kekal di barisan hadapan dalam pelan digitalisasi dan kemampanan perniagaannya. Syarikat berjaya mengekalkan kedudukan di barisan hadapan dalam perkembangan pasaran domestik dengan menyusun strategi melalui kepelbagaian risiko dan penerokaan terhadap pasaran pertumbuhan baharu, mengukuhkan kedudukan kepimpinannya di negara ini selain mewujudkan halangan sengit untuk kemasukan bagi pesaing baharu," kata Janice Wung, Pengurus Program, Penyelidikan Bangunan.

Syarikat berusaha untuk memacu pertumbuhan yang berdaya tahan melalui penyelesaian dan program Kemampanan yang didayakan Teknologi di seluruh operasinya sambil meneruskan

transformasi digital untuk menyediakan pasaran yang lebih luas dengan perkhidmatan infrastruktur awan hujung ke hujung merentasi seluruh Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, India, Emiriah Arab Bersatu dan Kerajaan Arab Saudi.

Penerima Anugerah Amalan Terbaik Frost & Sullivan 2022 dipilih berdasarkan kecemerlangan dalam strategi pertumbuhan dan pelaksanaan dalam bidang masing-masing. Anugerah ini mengiktiraf pencapaian cemerlang dan prestasi unggul syarikat dalam kepimpinan, inovasi berwawasan, prestasi peneraju pasaran, dan peningkatan nilai pelanggan.

-Tamat-

**Mengenai UEM Edgenta Berhad**

UEM Edgenta ([www.uemedgenta.com](http://www.uemedgenta.com)) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuhraya dan rel, termasuk pengurusan projek & perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Perkhidmatan menyeluruh UEM Edgenta merangkumi sepanjang kitaran hayat aset termasuk perundingan, perolehan dan perancangan pembinaan, operasi dan penyelenggaraan serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf.

UEM Edgenta beroperasi merentasi Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, India dan Emiriah Arab Bersatu.